

## KEFAHAMAN BANDUAN MUDA TERHADAP IBADAT SOLAT DI SEKOLAH INTEGRITI, JABATAN PENJARA MALAYSIA

Zaitil-Izlina binti Ismail, Zuliza binti Mohd Kusrin & Hasanah binti Abd Khafidz  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Emel: [zaitilizlina.ismail@gmail.com](mailto:zaitilizlina.ismail@gmail.com), [zuli@ukm.edu.my](mailto:zuli@ukm.edu.my), [hasanah@ukm.edu.my](mailto:hasanah@ukm.edu.my)

*Abstrak - Kefahaman yang baik terhadap konsep asas solat seperti definisi, hukum, bilangan, waktu, rukun, syarat wajib, syarat sah dan perkara membatalkan solat mampu mendorong umat Islam melaksanakan ibadat solat dengan sempurna. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji tahap kefahaman terhadap konsep asas solat dalam kalangan banduan muda di Sekolah Integriti. Kajian ini dijalankan di dua buah Sekolah Integriti iaitu di Sekolah Integriti Sungai Petani, Penjara Sungai Petani, Kedah dan Sekolah Integriti Puncak Alam, Pusat Koreksional Puncak Alam, Selangor. Seramai 160 orang banduan muda beragama Islam yang berumur 15-21 tahun dan sedang mengikuti pembelajaran secara formal di Sekolah Integriti telah dipilih sebagai responden kajian. Setelah data diperolehi, pengkaji telah menganalisisnya menggunakan program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 22.0. Kajian berbentuk deskriptif ini mengukur min, mod, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Nilai darjah kebolehppercayaan (Alpha Cronbach) bagi tahap kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat ialah .759 dengan nilai skor min sebanyak (Min=4.5107, SD=0.32982). Nilai skor min bagi kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat di Sekolah Integriti Sungai Petani ialah (Min=4.5128, SD=0.30080) pada tahap sangat tinggi. Manakala nilai skor min bagi kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat di Sekolah Integriti Puncak Alam adalah (Min=4.5043, SD=0.36151) juga pada tahap sangat tinggi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga item mencatatkan nilai min tertinggi iaitu item no.5 "Ibadat solat wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam" (Min=4.89, SD=0.365), kedua tertinggi iaitu item no.3 "Solat difardukan sebanyak lima waktu sehari semalam" (Min=4.82, SD=0.456) dan ketiga tertinggi iaitu item no.9 "Membaca surah al-Fatihah termasuk perkara rukun solat" (Min=4.75, SD=0.560). Hasil dapatan kajian keseluruhannya mendapati bahawa kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat di Sekolah Integriti Sungai Petani dan Sekolah Integriti Puncak Alam adalah pada tahap sangat tinggi.*

**Kata kunci:** Kefahaman, Konsep Asas Solat, Sekolah Integriti.

### I. Pendahuluan

Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012 tidak meminggirkan golongan banduan muda mendapatkan pendidikan walaupun berada di dalam penjara. Akta Penjara 1995, tafsiran kepada Seksyen 2, banduan muda bermaksud seseorang banduan yang berumur di bawah dua puluh satu tahun. Golongan ini merupakan modal insan yang bakal memberi sumbangan kepada pembangunan negara pada masa akan datang. Maka, banduan muda memerlukan bimbingan dan didikan yang sewajarnya sepanjang tempoh penahanan dalam penjara. Hal ini kerana apabila mereka tamat tempoh hukuman penjara, mereka akan keluar dengan bekalan ilmu yang berguna bagi diri mereka menjadi manusia yang lebih baik dari sebelumnya. Salah satu proses pemulihan terhadap golongan banduan muda yang beragama Islam adalah menerapkan ilmu asas agama seperti ibadat solat lima waktu. Solat adalah ibadat yang terpenting dalam Islam kerana ia merupakan ibadat yang pertama akan dihisab oleh Allah SWT di Akhirat. Istimewanya ibadat solat kerana ia disampaikan secara langsung daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW semasa peristiwa Israk Mikraj. Justeru, umat Islam yang berjaya adalah umat yang melakukan pekerjaan yang baik dan tidak meninggalkan solat. Islam mengukur kejayaan sebenar bagi umatnya berdasarkan ketaatannya terhadap perintah Allah SWT seperti melaksanakan solat, berpuasa, zakat, haji dan amalan kebaikan yang lain. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mukminun, ayat 1-2:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman. Iaitu orang-orang yang khusyuk dalam solatnya.

Semasa tempoh penahanan, banduan muda mempelajari ilmu keagamaan seperti asas Fardu Ain yang meliputi bidang Akidah, Feqah, Sirah, Akhlak, Al-Quran dan Hadis melalui Program Pelan Pembangunan Insan (PPI). PPI adalah program pemulihan yang diperkenalkan bermula tahun 2002 mengandungi modul-modul pemulihan yang digubal mengikut sistem fasa dan mengandungi 4 program utama iaitu *Therapeutic Community*, Modul Halaqah, Modul Pendidikan dan Bimbingan dan Modul Akademik. Banduan muda wajib mengikuti 4 fasa yang telah ditetapkan oleh JPM iaitu fasa 1: Orientasi, Fasa 2: Pengukuhan Sahsia, Fasa 3: Kemahiran dan Fasa 4: Pra Bebas. Semasa berada di fasa 2, banduan muda mengikuti Modul Halaqah iaitu modul keagamaan yang mengandungi ilmu asas Fardu Ain termasuk berkaitan tentang ibadat solat. Manakala penubuhan Sekolah Integriti bermula pada April 2008 dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi peluang kepada banduan muda di Penjara Juvana menuntut ilmu pengetahuan secara formal semasa dalam tahanan (Darussalam Budin, 2014). Sekolah Integriti menyediakan kelas-kelas Akademik dan Kemahiran seperti kelas Pra SPM (Tingkatan 4) dan kelas SPM (Tingkatan 5), kelas Pemulihan, kelas Persediaan dan kelas Menengah Rendah serta kelas Kemahiran. Pembelajaran di Sekolah Integriti menggunakan sepenuhnya Sukatan Pelajaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (Buku Pengurusan Sekolah Integriti Puncak Alam, 2019).

Secara umumnya, pembelajaran keagamaan yang dijalankan Penjara Juvana adalah melalui Modul Halaqah di bawah program Pelan Pembangunan Insan (PPI) dan pembelajaran keagamaan yang dijalankan di Sekolah Integriti. Penekanan di Sekolah Integriti, banduan muda mempelajari Pendidikan Islam selain mata pelajaran akademik seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Moral. Mata pelajaran Pendidikan Islam ini diajar oleh guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berkhidmat di Sekolah Integriti. Pembelajaran mengenai konsep asas solat terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di Peringkat Menengah Rendah. Sistem pendidikan negara melalui Kurikulum Pendidikan Islam telah berusaha untuk mempertingkatkan kefahaman ibadat dalam kalangan pelajar di Sekolah Rendah dan Menengah. Program j-QAF (Jawi, Al Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain) tahun 2005 di Sekolah Rendah telah memberi penekanan terhadap aspek ibadat solat melalui Kem Bestari Solat selain bidang Ulum Syariah seperti Akidah, Akhlak, Sirah, Al-Quran dan sebagainya. Manakala penubuhan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Negeri yang bermula pada tahun 1990, khusus membimbing murid aspek Al-Quran dan asas-asas Fardu Ain kepada murid berumur 7-12 tahun. Salah satu objektif KAFA adalah bagi memastikan semua kanak-kanak Islam di Negara ini dapat mempelajari dan mengamalkan perkara asas Fardu Ain termasuklah ibadat solat (Garis Panduan KAFA, 2006). Manakala objektif Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) yang diperkenalkan pada tahun 1995 di sekolah-sekolah Rendah dan Menengah juga salah satunya untuk mengukuhkan penghayatan ibadat solat dalam kalangan pelajar. Bertitik tolak dari sini, dapat disimpulkan bahawa agama adalah kunci untuk mengubah manusia ke arah perubahan yang lebih baik khususnya kepada golongan banduan muda di dalam penjara. Agama menjadi pembimbing, pengendali dan pengawal segala tingkah laku manusia. Kajian (Zaizul, 2011) agama adalah teras pemulihan banduan. Aspek pendidikan agama adalah penting bagi menyedarkan banduan dari aspek pemulihan dalaman. Kajian (Siti Jamiaah, 2016) agama membina kekuatan diri banduan wanita. Manakala (Azizi Yahaya dan Jesmin, 2008) mendapati agama adalah kawalan paling efektif dalam mengawal tingkah laku.

Pembelajaran tentang konsep asas solat adalah perlu kepada banduan muda muslim pembelajaran tentang konsep asas solat adalah perlu kepada banduan muda muslim agar bantuan muda dapat memahami serta melaksanakan tuntutan ibadat dengan sempurna. Aspek kefahaman asas solat seperti definisi solat dari segi istilah, hukum solat, bilangan, perkara rukun solat, syarat wajib solat syarat sah solat dan perkara membatalkan solat ini perlu diberi perhatian kerana ia merupakan perkara utama yang menjadi tunjang sebelum seseorang melaksanakan ibadat solat. Sekiranya banduan muda ini tidak memahami tentang konsep asas solat mana mungkin mereka dapat melaksanakan ibadat dengan sepenuh hati. Kefahaman yang jelas akan menimbulkan kesedaran kepada banduan muda untuk melaksanakan ibadat yang disyariatkan oleh Allah SWT.

## II. Pernyataan Masalah

Kajian lepas mendapati kurangnya kefahaman mengenai ibadat solat dalam kalangan golongan bermasalah adalah menjadi punca mereka mengabaikan solat. Kajian (Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, 2008) mendapati pesalah juvana di Sekolah Henry Gurney tidak mengambil berat solat, tinggal solat sengaja dan tidak cukup solat. Kajian (Nor Azira, 2008) di Sekolah Tunas Bakti pula mendapati penghuni tidak solat kerana tidak memahami solat dari segi bacaannya. Kajian (Norhidayah Said, 2012) golongan pelatih tidak menguasai tajuk solat dan lemah memahami kewajipan menunaikan solat dan rukun-rukunnya. Manakala kajian (Khairul Hamimah, 2015) yang dijalankan terhadap banduanita mendapati responden kajian mengatakan mereka jarang solat disebabkan oleh sifat malas dan penat, tidak tahu cara solat, lupa niat dan bacaan-bacaan dalam solat.

Kajian dalam kalangan murid sekolah turut mendapati sebilangan kecil murid tidak memahami konsep asas solat. Kajian (Mohamad Shafiee, 2004) terhadap 88 pelajar darjah 6 di Sekolah Rendah menunjukkan sebilangan kecil murid tidak memahami perkara-perkara asas berhubung dengan ibadat solat. Dapatan kajian menunjukkan murid tidak faham hukum solat itu wajib dilaksanakan, sebanyak (6.82%) murid mengatakan solat itu hukumnya tidak wajib. Manakala (11.36 %) murid tidak faham solat ada lima waktu dan sebanyak (7.96%) tidak faham hukum meninggalkan solat adalah berdosa. Walaupun peratusannya kecil, namun jelas menunjukkan bahawa kefahaman murid belum mencapai tahap 100% memahami tentang konsep asas solat. Solat merupakan ibadat yang paling utama diperintahkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umat Islam seluruhnya. Ibadat solat merupakan cara pengabdian diri terhadap Allah SWT. Solat mendatangkan banyak kebaikan kepada manusia yang patuh melaksanakannya. Solat bukan setakat ditunaikan pada zahir, tetapi juga pada batinnya secara ikhlas untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT (Nik Yusri Musa, 2016). Solat yang dilaksanakan dengan sempurna mampu membina nilai kebergantungan kepada Allah SWT, mendidik jiwa, meluntur nafsu jahat dan melunakkan hati mengingati Allah SWT (Siti Jamiaah et al, 2016).

Namun impak solat berbeza kepada setiap individu yang melaksanakannya berdasarkan keikhlasan dan kesungguhannya. Ibadat solat yang dipersembahkan kepada Allah dengan khusyuk dan sempurna mampu mencegah perbuatan keji dan kemungkaran. Manakala solat yang tidak sempurna dan hambar tidak dapat memberi kesan yang positif. Kajian (Sahlawati Abu Bakar et.al, 2016) ibadat solat itu mendidik jiwa taat perintah Allah, sabar, mujahadah nafsu, pupuk kasih sayang dan semangat kerjasama sekali gus membentuk personaliti dan akhlak terpuji. Allah SWT menjelaskan dalam Al-Quran bahawa solat dapat mencegah perbuatan keji dan kemungkaran. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut, ayat 45.

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu Al-Kitab (Al-Quran dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingati Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Perbuatan maksiat dan kemungkaran yang berlaku seolah-olah tidak selari dengan hikmah solat yang dijelaskan dalam Al-Quran. Hal ini terbukti dengan perangkaan remaja terlibat dengan masalah sosial serta jenayah adalah tinggi dalam Negara. Contohnya dilaporkan kes jenayah tertinggi di Malaysia tahun 2018 adalah jenayah harta benda berjumlah 71,760 kes dilaporkan di seluruh Malaysia (Statistik Polis Diraja Malaysia). Manakala kes penagihan dadah di Malaysia tahun 2018 adalah sebanyak 25,267 kes (Agensi Antidadah Kebangsaan). Jenayah yang berlaku telah menyumbang kepada peningkatan jumlah banduan muda dan pesalah juvana dimasukkan ke dalam penjara iaitu sebanyak 2353 pada tahun 2016 kepada 2952 pada tahun 2019. Oleh itu, dimanakah kedudukan solat yang dilaksanakan oleh umat Islam pada hari ini sehingga ia tidak mampu mengekang permasalahan sosial dari terus berlaku dalam Negara?. Setiap umat Islam wajib mempelajari ibadat solat dari segi kefahaman asasnya iaitu faham definisi solat bahasa dan istilah, hukumnya, bilangan waktunya, rukun solat, syarat sah, syarat wajib dan perkara yang membatalkan solat. Kewajipan mempelajarinya juga tidak terkecuali kepada golongan banduan muda beragama Islam di dalam penjara yang memerlukan bimbingan dan sokongan untuk menambahkan ilmu pengetahuan agama dalam kalangan mereka. Kajian (Fauziah et.al, 2012) mendapati pesalah muda di tiga pusat pemulihan dalam negara ini mempunyai tahap pengetahuan agama yang sederhana iaitu sebanyak (89.5%). Walaupun golongan ini jahil tentang agama sebelumnya, namun kajian yang sama menunjukkan sebanyak 86% pesalah muda ingin berubah kembali ke pangkal jalan, insaf dan ingin belajar agama. Manakala sebanyak 80% pesalah muda berasa bersalah jika tidak solat lima waktu. Oleh itu, kefahaman konsep asas solat wajar dititikberatkan dalam kalangan banduan muda kerana mereka adalah aset yang amat bernilai kepada pembangunan Negara pada masa akan datang. Oleh kerana mereka juga akan bebas apabila tamat tempoh hukuman, maka keperluan mempelajari agama khusus aspek kefahaman asas solat ini amat bertepatan sekali dalam situasi hari ini yang semakin mencabar.

### III. Metodologi kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada 160 orang banduan muda beragama Islam iaitu mereka yang sedang mengikuti pembelajaran di Sekolah Integriti Sungai Petani, Kedah dan Sekolah Integriti Puncak Alam, Selangor. Kajian ini menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai demografi dan kefahaman konsep asas solat. Populasi kajian ini berjumlah seramai 271 orang banduan muda muslim yang bersekolah di dua buah Sekolah Integriti yang dipilih. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970) di dalam buku tulisan (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2017), sekiranya jumlah populasi seramai 271 orang maka bilangan sampelnya memerlukan seramai 159 orang sebagai sampel kajian. Bagi tujuan ini populasi diambil secara rawak bertujuan (*purposive sampling*) seramai 160 orang banduan muda. Jumlah ini mewakili seramai 71 orang banduan muda dari Sekolah Integriti Sungai Petani dan 89 orang banduan muda dari Sekolah Integriti Puncak Alam. Pemilihan Sekolah Integriti Sungai Petani dan Sekolah Integriti Puncak Alam sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan jumlah banduan di kedua-dua sekolah adalah paling tinggi berbanding lapan buah Sekolah Integriti lain di seluruh Malaysia. Pemilihannya juga berdasarkan kepada kedua-dua negeri iaitu Kedah dan Selangor telah mencatatkan kes jenayah tertinggi selain Wilayah Persekutuan Putrajaya di Malaysia (N.K Tharshini, Fauziah Ibrahim, 2018).

Bagi menguji kebolehpercayaan dan menilai kesesuaian soal selidik responden, kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu. Seramai 30 orang banduan muda dari Sekolah Integriti Marang, Penjara Marang Terengganu terlibat sebagai responden kajian. Hasil dapatan kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan alat ujian yang digunakan boleh diterima baik dengan nilai (*Alpha Cronbach*) melebihi 0.620. Manakala nilai (*Alpha Cronbach*) kajian sebenar bagi kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat adalah 0.759. Kesahan instrumen soal selidik ini juga telah disahkan oleh dua orang pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini (Abdul Ghaffar Don, Khazri Osman, 2019) Satu set soal selidik sebagai instrumen meliputi Bahagian A (Demografi Responden) dan Bahagian B (Kefahaman Konsep Asas Solat) digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh daripada kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Perisian SPSS ialah satu cara yang cepat dan tepat dalam menganalisis data. Dalam analisis deskriptif ini menerangkan data dalam bentuk yang mudah difahami seperti min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min. Item soal selidik dalam kajian ini diambil dan diubahsuai daripada kajian yang dijalankan (Hasna Bidin et.al, 2015) berkaitan solat fardu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti.

Berdasarkan demografi responden kajian ini yang berjumlah seramai 160 orang banduan muda dari kedua-dua buah Sekolah Integriti, majoritinya berumur 20-21 tahun iaitu seramai 106 orang banduan muda dan selebihnya pada tahap umur 17-18, 15-16 dan di bawah 15 tahun. Majoriti responden latar pendidikannya di Tingkatan 1-3 iaitu seramai 28 orang (39.4%) dari sekolah Integriti Sungai Petani dan 40 orang (44.9%) dari Sekolah Integriti Puncak Alam. Dari segi kesalahan jenayah, majoriti responden terlibat dengan kesalahan dadah iaitu 98 orang mewakili kedua-dua buah sekolah. Seramai 56 orang (78.9%) dari Sekolah Integriti Sungai Petani dan seramai 42 orang (47.2%) dari Sekolah Integriti Puncak Alam. Selain itu, responden kajian ini juga terlibat dengan kes samun, rogol, bunuh, *Prevention of Crime Act* (POCA), curi dan lain-lain kesalahan. Seterusnya dari segi umur mula solat, kajian mendapati majoriti responden di Sekolah Integriti Sungai Petani mula melaksanakan ibadat solat sebelum berumur 7 tahun iaitu seramai 24 orang (33.8%). Manakala di Sekolah Integriti Puncak Alam, majoriti responden mula solat umur 7-12 tahun iaitu seramai 34 orang (38.2%).

### IV. Hasil Kajian

Skor purata min bagi kajian deskriptif ini diinterpretasikan mengikut lima tahap iaitu Sangat Tinggi (4.30-5.00), Tinggi (3.50-4.29), Sederhana (2.70-3.49), Rendah (1.90-2.69) dan Sangat Rendah (1.00-1.89) (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006). Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat di Sekolah Integriti Sungai Petani dan Sekolah Integriti Puncak Alam berada pada tahap sangat tinggi (Min=4.5107, SD=0.32982). Hasil analisis menunjukkan hampir keseluruhan min bagi 17 item konsep asas solat mencatatkan pencapaian pada tahap sangat tinggi. Sebanyak 14 item konsep asas solat yang merangkumi definisi solat dari segi istilah, hukum solat, bilangan, perkara rukun solat, syarat wajib solat, syarat sah solat dan perkara membatalkan solat menunjukkan nilai skor min pada tahap sangat tinggi iaitu melebihi 4.30-5.00. Manakala 3 item yang merangkumi definisi solat pada bahasa, jumlah solat difardukan semasa Israk Mikraj dan berkaitan pensyariatan solat menunjukkan nilai skor min pada tahap tinggi iaitu melebihi 3.50-4.29.

Analisis kajian ini memfokuskan kepada 3 item yang mencatatkan min tertinggi dan item yang mencatatkan min terendah. Berdasarkan interpretasi skor min, kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat tertinggi bagi item no.5 “Ibadat solat wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam” (Min=4.89,SD=0.365) yang mana majoriti banduan muda mengatakan mereka sangat setuju dan setuju orang Islam iaitu seramai 159 orang (99.4%) orang banduan muda dan hanya seorang sahaja tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa banduan muda keseluruhannya memahami mereka wajib melaksanakan ibadat solat. Kajian ini selari dengan kajian yang pernah dijalankan oleh (Hasna Bidin, 2016) di kolej Komuniti, yang menunjukkan pelajar memahami ibadat solat adalah wajib bagi setiap orang Islam (Min=4.92). Namun kefahaman yang tinggi terhadap kewajipan solat tidak menentukan tahap pelaksanaannya. Kajian (Sharifah Norshah Bani, 2008; Nor Azira, 2008) menunjukkan golongan bermasalah mengabaikan solat di dalam tahanan walaupun mereka mengikuti pembelajaran solat di tempat pemulihan.

Analisis perbincangan ini juga menyentuh nilai min kedua tertinggi iaitu 4.82 berkaitan dengan “Solat difardukan sebanyak lima waktu sehari semalam” yang mana menunjukkan bahawa banduan muda sangat memahami difardukan lima waktu solat sehari semalam ke atas mereka. Majoriti banduan muda iaitu seramai 155 orang (96.9%) mewakili kedua-dua buah sekolah mengatakan mereka sangat setuju dan bersetuju manakala hanya 3 orang (3.1%) kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Peratusan 3.1% yang mengatakan kurang setuju bahawa solat difardukan 5 waktu sehari semalam adalah jumlah yang kecil dan terpencil. Pengkaji merumuskan bahawa pemahaman banduan terhadap 5 waktu solat yang diwajibkan ke atas mereka adalah sangat berkait rapat dengan pembelajaran banduan sebelum dan semasa berada dalam tahanan. Daripada demografi responden kajian ini menunjukkan seramai 68 orang (42.5%) banduan muda tahap pendidikan tingkatan 1-3, 48 orang (30.0%) tahap pendidikannya di tingkatan 4-5. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hampir kesemua banduan telah mempelajari solat di sekolah Rendah dan Menengah sebelum dimasukkan ke dalam penjara.

Seterusnya analisis perbincangan ini menyentuh nilai min ketiga tertinggi iaitu 4.75 berkaitan dengan “Membaca surah Al-Fatihah termasuk dalam rukun solat” di mana majoriti responden mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini. Perkara ini menunjukkan banduan muda sangat memahami bahawa membaca Al-Fatihah itu rukun solat. Pemahaman yang sangat tinggi bagi banduan muda terhadap Al-Fatihah adalah rukun solat juga berkait rapat dengan pembelajaran agama yang diterima oleh banduan sebelum ini. Tajuk rukun solat terkandung dalam Pendidikan Islam Darjah 4 (Dokumen Standard Sekolah Rendah) dan juga secara khusus di Tingkatan 1 (Dokumen Standard Sekolah Menengah). Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan banduan muda telah mempelajari perkara rukun solat semasa sekolah Rendah dan sekolah Menengah. Manakala di penjara, banduan juga melalui proses pembelajaran Modul PPI dan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas di Sekolah Integriti.

Perbincangan berkenaan item yang mencatatkan nilai min terendah ialah item no.7 berkaitan “Pada asalnya dalam peristiwa Israk dan Mikraj solat difardukan sebanyak 50 waktu” nilai (Min=3.91). Perkara ini menunjukkan 55 orang (34.4%) sangat setuju, 61 orang (38.1%) setuju dengan penyariatian 50 waktu solat berlaku semasa peristiwa Israk dan Mikraj. Berdasarkan peratusan yang kurang setuju seramai 26 orang (16.3%), tidak setuju 11 orang (6.9%) dan sangat tidak setuju seramai 7 orang (4.4%) menunjukkan banduan muda terlepas pandang dengan kisah Israk Mikraj. Berdasarkan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam terkandung subtajuk maksud solat, dalil naqli, akibat meninggalkan solat, syarat wajib, syarat sah, rukun, perkara sunat, perkara membatalkan solat, kelebihan, amali solat dan khusyuk solat. Manakala secara khusus sejarah penyariatian solat peristiwa Israk dan Mikraj tidak terkandung dalam sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KSSM. Oleh itu, banduan kurang pendedahan tentang peristiwa Israk Mikraj kecuali banduan mendapat maklumat dari ceramah agama mahupun pembacaan buku-buku agama.

**Jadual 1: Kefahaman Banduan Muda terhadap Konsep Asas Solat**

No	Item	1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS	Min	SD
1.	Solat dari segi bahasa bermaksud doa kepada Allah SWT.	4 2.5%	3 1.9%	17 10.6%	63 39.4%	73 45.6%	4.23	.900
2.	Maksud solat dari segi istilah ialah perbuatan dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam.	1 0.6%	1 0.6%	4 2.5%	44 27.5%	110 68.8%	4.63	.630
3.	Solat difardukan sebanyak lima waktu sehari semalam.	-	-	5 3.1%	18 11.3%	137 85.6%	4.82	.456
4.	Solat dilaksanakan pada waktu-waktu yang telah ditentukan.	3 1.9%	-	3 1.9%	33 20.6%	121 75.6%	4.68	.694

5.	Ibadat solat wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam.	-	1 0.6%	-	14 8.8%	145 90.6%	4.89	.365
6.	Solat difardukan sebanyak 5 waktu semasa peristiwa Israk dan Mikraj.	3 1.9%	8 5.0%	32 20.0%	53 33.1%	64 40.0%	4.04	.986
7.	Pada asalnya dalam peristiwa Israk dan Mikraj solat difardukan sebanyak 50 waktu.	7 4.4%	11 6.9%	26 16.3%	61 38.1%	55 34.4%	3.91	1.083
8.	Solat mempunyai 13 Rukun Solat.	-	3 1.9%	9 5.6%	30 18.8%	118 73.8%	4.64	.676
9.	Membaca surah al-Fatihah termasuk dalam perkara rukun solat.	1 0.6%	1 0.6%	1 0.6%	31 19.4%	126 78.8%	4.75	.560
10.	Ketawa dengan mengeluarkan suara semasa sedang solat boleh membatalkan solat.	4 2.5%	1 0.6%	14 8.8%	57 35.6%	84 52.5%	4.35	.862
11.	Solat yang dilaksanakan dalam keadaan berhadap adalah batal.	-	1 0.6%	9 5.6%	60 37.5%	90 56.3%	4.49	.634
12.	Niat termasuk dalam perkara rukun solat.	-	2 1.3%	6 3.8%	47 29.4%	105 65.6%	4.59	.627
13.	Syarat wajib solat ialah mempunyai akal fikiran yang waras.	-	1 0.6%	9 5.6%	48 30.0%	102 63.8%	4.56	.630
14.	Sah solat apabila dilaksanakan dengan menghadap kiblat.	1 0.6%	1 0.6%	8 5.0%	43 26.9%	107 66.9%	4.58	.676
15.	Kanak-kanak yang sudah baligh wajib melaksanakan solat lima waktu.	-	2 1.3%	3 1.9%	37 23.1%	118 73.8%	4.69	.571
16.	Solat yang dilaksanakan batal jika sengaja mendedahkan aurat.	1 0.6%	3 1.9%	20 12.5%	48 30.0%	88 55.0%	4.36	.821
17.	Sah solat yang dilaksanakan apabila yakin masuk waktunya.	3 1.9%	1 0.6%	10 6.3%	60 37.5%	86 53.8%	4.40	.795
<b>Min keseluruhan</b>							<b>4.5107</b>	<b>.32982</b>
Petunjuk: 1=Sangat Tidak Setuju (STS), 2= Tidak Setuju (TS), 3=Kurang Setuju (KS), 4=Setuju (S), 5=Sangat Setuju (SS)								

(Sumber: Soal selidik 2019)

## V. Penutup

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini berkaitan kefahaman banduan muda mengenai konsep asas solat di Sekolah Integriti Sungai Petani dan Sekolah Integriti Puncak Alam. Dapatan kajian yang diperolehi dengan menggunakan statistik deskriptif secara kuantitatif ini untuk mencapai objektif kajian iaitu kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan banduan muda di Sekolah Integriti Sungai Petani dan Sekolah Integriti Puncak Alam mempunyai kefahaman yang sangat tinggi terhadap semua konsep asas solat iaitu definisi solat istilah, hukum, waktu, rukun, syarat wajib, syarat sah dan perkara membatalkan solat kecuali pada definisi solat bahasa dan pada aspek pensyariatan solat. Hasil kajian tentang kefahaman banduan muda terhadap konsep asas solat ini amat berguna kepada guru dalam menyampaikan pengajaran kepada banduan yang mempunyai kepelbagaian umur, tahap pendidikan, beza kesalahan, tempoh hukuman dan sebagainya. Hasil kajian ini juga berguna kepada pihak pelaksana modul Halaqah dalam penambahbaikan modul sedia ada. Malah yang lebih penting hasil kajian mengenai kefahaman konsep asas solat ini berguna kepada banduan muda untuk menambahkan kualiti solat yang dilakukan sebelumnya. Sebagai pelajar dan bergelar banduan, pembelajaran tentang solat khususnya tentang konsep asas solat diharapkan dapat dijadikan pencetus semangat banduan untuk melaksanakan solat semasa dalam tahanan mahupun apabila dibebaskan kelak. Justeru, semua pihak terlibat secara langsung dengan golongan banduan muda perlu bekerjasama dalam usaha pemulihan golongan muda dalam penjara demi mencapai hasrat dan matlamat Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## Rujukan

1. Al-Quran dan Terjemahannya. 2007. Pustaka Darul Iman Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
2. Abdul Ghafar bin Don & Khazri bin Osman (Pensyarah di Jabatan Dakwah UKM) Pengesahan Instrumen Kajian.
3. Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2017. Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam, *Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi*.
4. Akta Penjara 1995 (Tafsiran kepada Seksyen 2).
5. Azizi Yahaya & Jesmin Abd.Wahab. 2008. Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah Laku di Taman Seri Putri Batu Gajah dan Kompleks Dar-Assa'adah.
6. Buku Pengurusan Sekolah Integriti Puncak Alam. Pusat Koreksional Puncak Alam.2019.
7. Buku Pengurusan Sekolah Integriti Sungai Petani. Penjara Sungai Petani. 2019.
8. Darussalam Budin. 2014. Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan dan Cabaran. *Jurnal Hadhari* 6 (1): 87-104.
9. Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Ismail Mustari. 2015. Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika* 5:3.
10. Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan Ed. Ke-3*.
11. Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hadenan Towpek & Nurul Husna Mansor. 2015. Program Koreksi Berasaskan Islam Sebagai Medium Dakwah kepada Banduan di Penjara Kajang. *Al-Hikmah* 7(2):3-22.
12. Mohamad Shafiee bin Wahab.2004. Kefahaman dan Pengamalan Solat Fardu Pelajar Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Petaling (1) Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
13. Nik Yusri Musa. 2016. Ensiklopedia Solat A-Z tentang Solat. Galeri Ilmu Sdn Bhd.
14. N.K. Tharshini & Fauziah Ibrahim. 2018. Analisis Trend bagi Pesalah Muda yang telah Menjalani Hukuman Perintah Khidmat Masyarakat di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (1).
15. Noor Hafizah bt. Mohd Haridi & Fakhrol Adabi b. Abd. Kadir. 2011. Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis Pelaksanaan. *Jurnal Kemusiaan* (23):1-22.
16. Nor Azira binti Yusoff. 2008. Hubungkait antara Pengabaian Solat dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
17. Pamflet Program Pembangunan Insan (PPI), Bahagian Pengurusan Banduan, Seksyen Pemulihan dan Rawatan. IPPM Kajang, Selangor.
18. Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia , “Sekolah Integriti / Sekolah Henry Gurney”, dicapai pada 5 September 2019, <https://www.moe.gov.my/index.php/my/pendidikan-khas/sekolah-integriti-dan-sekolah-henry-gurney>
19. Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah binti Azizan, Nazneen Ismail, Zanariah Dimon & Nurul Husna Mohd Jabar. 2016. Kaedah Menangani Masalah Sosial di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS): Analisa Pendekatan Al-Quran. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*:620-647.
20. Sharifah Norshah Bani & Zulkifli Haji Mohd Yusoff. 2008. Perubahan Personaliti Kesan Uslub Tabshir dan Indhar: Kajian Kes di Sekolah Henry Gurney (SHG).
21. Siti Jamiyah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff, Rozmi Ismail. 2016. Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita di Malaysia. *Afkar Vol.18 Issue 2*.
22. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994: Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
23. Zaizul bin Ab. Rahman, Ab. Aziz Mohd Zain, Fakhrol Adabi Abdul Kadir & Norrodzoh Hj. Siren. 2011. Program Pemulihan Insan dalam kalangan Banduan Melayu di Penjara Sungai Udang. *International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity (ICICMI)*:164-189.





